

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 24 SEPTEMBER 2014 (RABU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Pengajaran sains diutamakan	KOSMO
2.	Matlamat 60% jurusan STEM	Harian Metro
3.	Malaysia sasar 60 peratus kanak-kanak mengambil jurusan pendidikan stem	SINAR
4.	Generasi baharu STEM	Utusan Malaysia
5.	PM: Let's make STEM cool and aim for 60%	The Star
6.	'STEM education is key'	New Straits Times
7.	M'sia wants 60% STEM take-up rate	The Sun
8.	Pelajar jurusan STEM meningkat	Berita Harian
9.	Rosmah terima Anugerah Hero STEM	Berita Harian
10.	Rosmah terima anugerah	Harian Metro
11.	Lulusan universiti wajar diiktiraf jurutera	Berita Harian
12.	Perkampungan Penulis Gapena-MOSTI bentuk jati diri pelajar	KOSMO
13.	Perkampungan lahir bakal saintis berjiwa sastera	Berita Harian
14.	Malaysia maju industri robotik	Harian Metro
15.	TPM bangunkan teknologi robotik	Berita Harian
16.	An award to drive innovation	New Straits Times
17.	Jutawan berkain pelekat	Harian Metro
18.	Petugas TH tambah baik perkhidmatan dengan idea inovasi	BERNAMA

Najib sasarkan 60 peratus golongan muda ambil jurusan STEM

Pengajaran sains diutamakan

NEW YORK - Malaysia menyasarkan 60 peratus daripada kanak-kanak dan golongan muda mengambil jurusan pendidikan dan kerjaya dalam Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) untuk masa depan negara yang lebih baik, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana Menteri berkata, negara berharap untuk mencapai nisbah 60:40 untuk kanak-kanak yang berminat dalam STEM berbanding pendidikan dan kerjaya bukan STEM.

Beliau berkata, nisbah itu berada pada kadar 25:75 pada tahun 2000 dan meningkat kepada 42:58 baru-baru ini berikutan komitmen kerajaan menyokong pendidikan STEM.

"Terdapat keperluan bagi kita untuk memastikan generasi baharu kanak-kanak

dan orang muda meminati pendidikan STEM supaya mereka memilih STEM sebagai satu kerjaya," katanya ketika melancarkan Perikatan STEM Global di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di sini kelmarin.

Najib juga mahu Malaysia berusaha untuk menjadi pemenang Anugerah Nobel kerana ia boleh menjadi sumber inspirasi kepada orang ramai untuk menjadikan bidang STEM sebagai kerjaya.

"Malah, jika Malaysia tidak menghasilkan pemenang Anugerah Nobel, keseluruhan proses terbabit dalam mencapai matlamat itu akan membawa kepada kemunculan minat yang lebih kuat dalam STEM sebagai satu kerjaya.

"Bagaimanapun, saya berharap suatu hari nanti

Malaysia mampu melahirkan seorang (pemenang) Anugerah Nobel," katanya.

Najib juga memuji isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor kerana memulakan program untuk kanak-kanak pintar dan berbakat yang dikenali sebagai Permata Pintar dalam usaha untuk menggalakkan lagi pendidikan STEM.

Menyentuh mengenai usaha memperkasa wanita di Malaysia, beliau berkata, tiada diskriminasi terhadap mereka untuk mendapatkan pendidikan berkualiti.

Pada majlis yang sama, Ketua Pengarah Pertubuhan Pelajaran, Sains, dan Kebudayaan PBB, Irina Bokova memuji usaha Malaysia untuk menggalakkan keupayaan sains dan teknologi dalam kalangan penduduknya. - Bernama



NAJIB (kiri) dan isterinya, Rosmah (dua dari kiri) menghadiri majlis pelancaran Perikatan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik Global di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York kelmarin.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 20
TARIKH : 24 SEPTEMBER 2014 (RABU)



NAJIB melihat dari dekat Anugerah Hero STEM yang diterima Rosmah di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York, Isnin lalu.

Matlamat 60% jurusan STEM

■ PM mahu pastikan generasi baru pilih sebagai kerjaya

New York

Malaysia menyoal-kan 60 peratus daripada kanak-kanak dan golongan muda mengambil jurusan pendidikan dan kerjaya dalam Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) untuk masa depan negara yang lebih baik, kata Datuk Seri Najib Razak di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, negara berharap untuk mencapai nisbah 60:40 untuk kanak-kanak yang berminat dalam STEM berbanding kepada pendidikan dan kerjaya bukan STEM.

Nisbah itu berada pada 25:75 pada tahun 2000 dan meningkat kepada 42:58 baru ini berikutan komitmen kerajaan menyokong pendidikan STEM, katanya dalam ucapan semasa Perikatan STEM Global di ibu pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di sini.

"Terdapat keperluan bagi kita untuk memastikan generasi baharu kanak-kanak dan orang muda meminati pendidikan STEM supaya mereka memilih STEM sebagai satu kerjaya," katanya. Beliau berkata, pelaburan dalam STEM adalah mengenai melabur untuk masa depan.

Bagi menyokong pendapatnya dalam perkara itu, Najib berkata, kerajaan

mempunyai beberapa inisiatif seperti program Sains Untuk Tindakan (S2A), membina perangkai minda Ahli Nobel dan program bermula kerjaya dalam usaha memacu minat mereka dalam STEM.

Fokus dalam S2A adalah bagi meningkatkan pembinaan sains dan teknologi melalui pendidikan apabila pengetahuan teknologi, keupayaan kejuruteraan, kuasa dan pengetahuan perindustrian dijana dan dikembangkan secara pesat.

Kerajaan, kata beliau, mahu Malaysia berusaha untuk menjadi pemenang Anugerah Nobel kerana ia boleh menjadi sumber inspirasi kepada orang ramai untuk menjadikan bidang STEM sebagai kerjaya.

"Malah, jika Malaysia tidak menghasilkan pemenang Anugerah Nobel, keseluruhan proses terbabit dalam mencapai matlamat itu akan membawa kepada kemunculan minat yang lebih kuat dalam STEM sebagai satu kerjaya.

"Bagaimanapun, saya berharap satu hari nanti Malaysia mampu melahirkan seorang (pemenang) Anugerah Nobel," katanya.

Najib juga memuji isterinya Datin Seri Rosmah Mansor kerana memulakan program untuk kanak-kanak pintar dan berbakat dikenali sebagai PERMATA Pintar dalam usaha untuk

menggalakkan lagi pendidikan STEM.

Katanya kanak-kanak dan orang muda boleh meminati sains melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik dalam subjek ini.

Satu daripada caranya, beliau berkata, adalah dengan membabitkan mereka dalam projek sebenar dan memberikan beberapa projek yang mencabar dalam usaha mencari penyelesaian berbanding pendekatan atas ke bawah yang agak membosankan.

Menyentuh mengenai usaha memperkasa wanita di Malaysia, beliau berkata akses kepada pendidikan berkualiti, tiada diskriminasi terhadap mereka dan penetapan dasar tertentu seperti membenarkan 30 peratus jumlah wanita menjadi pembuat keputusan dalam sektor awam dan swasta membolehkan mereka untuk berjaya.

Di majlis yang sama, Ketua Pengarah UNESCO Irina Bokova memuji usaha Malaysia untuk menggalakkan sains dan teknologi.

Bokova berkata, Malaysia dapat membina keupayaan seumpama itu melalui kerjasama Selatan-selatan.

Perikatan STEM Global adalah inisiatif New York Academy of Sciences dalam perkongsi dengan lebih 70 kerajaan, syarikat, badan bukan kerajaan, universiti dan sekolah untuk membantu menyatukan pembabit global dan memacu pendidikan STEM di seluruh dunia. - BERNAMA

KERATAN AKHBAR
SINAR (NASIONAL) : MUKA SURAT 16
TARIKH : 24 SEPTEMBER 2014 (RABU)

Malaysia sasar 60 peratus kanak-kanak mengambil jurusan pendidikan Stem

NEW YORK - Malaysia menyasarkan 60 peratus daripada kanak-kanak dan golongan muda mengambil jurusan pendidikan dan kerjaya dalam Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (Stem) untuk masa depan negara lebih baik, kata Datuk Seri Najib Tun Razak, semalam.

Perdana Menteri berkata, negara berharap mencapai nisbah 60:40 untuk kanak-kanak yang berminat dalam Stem berbanding pendidikan dan kerjaya bukan Stem.

Menurutnya, Nisbah itu berada pada 25:75 pada tahun 2000 dan me-

ningkat kepada 42:58 baru-baru ini, berikutan komitmen kerajaan menyokong pendidikan Stem," katanya dalam ucapan semasa melancarkan Perikatan Stem Global di ibu pejabat Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB).

"Terdapat keperluan bagi kita memastikan generasi baharu kanak-kanak dan orang muda meminati pendidikan Stem supaya memilih Stem sebagai kerjaya," katanya.

Beliau berkata pelaburan dalam Stem adalah mengenai melabur untuk masa depan.

Bagi menyokong pendapatnya

dalam perkara itu, Najib berkata kerajaan mempunyai beberapa inisiatif seperti program Sains Untuk Tindakan (S2A), membina perangkai minda Ahli Nobel dan program bermulanya kerjaya dalam usaha memacu minat mereka dalam S.

Fokus dalam S2A adalah meningkatkan pembinaan sains dan teknologi melalui pendidikan di mana pengetahuan teknologi, kejuruteraan, kuasa dan pengetahuan perindustrian dikembang pesat.

Najib juga mahu, mahu Malaysia berusaha menjadi pemenang

Anugerah Nobel kerana ia boleh menjadi sumber inspirasi kepada orang ramai sebagai kerjaya.

"Malah, jika Malaysia tidak menghasilkan pemenang Anugerah Nobel, keseluruhan proses terbabit dalam mencapai matlamat itu akan membawa kemunculan minat yang kuat dalam Stem.

"Saya berharap satu hari nanti Malaysia melahirkan (pemenang) Anugerah Nobel," katanya.

Menyentuh usaha memperkasakan wanita di Malaysia, beliau berkata akses pendidikan berkualiti,

tiada diskriminasi terhadap mereka dan penetapan dasar tertentu seperti membenarkan 30 peratus jumlah wanita menjadi pembuat keputusan dalam sektor awam dan swasta membolehkan mereka berjaya.

Perikatan Stem Global adalah inisiatif New York Academy of Sciences dalam perkongsian dengan lebih 70 kerajaan, syarikat, badan bukan kerajaan, universiti dan sekolah dengan tujuannya membantu menyatukan penglibatan global dan memacu pendidikan Stem di seluruh dunia. - Bernama

